

Tarikh kemaskini: 1 April 2024



LAPORAN KONSULTASI AWAM

BERHUBUNG ***CADANGAN PINDAAN AKTA MESIN CETAK DAN*** ***PENERBITAN (AMCP) 1984***

KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)

Tempoh Konsultasi: 1 April 2024 hingga 16 April 2024

ISI KANDUNGAN

Bil.	Perkara	Muka surat
1.	Pengenalan	1-7
2.	Metodologi dan Pihak - Pihak Berkepentingan yang Terlibat	8 - 10
3.	Analisis Konsultasi Awam	11 - 36
4.	Kesimpulan dan Syor	37 - 38
5.	Lampiran (sekiranya ada)	39 – 41

1. PENGENALAN

Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (AMCP) telah digubal berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan mula berkuat kuasa pada 1984. Akta ini bertujuan untuk mengawal selia penggunaan mesin cetak dan pencetakan, pengimportan, penghasilan, penghasilan semula, penerbitan, pengedaran hasil penerbitan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Secara umumnya Akta ini merangkumi beberapa perkara utama mengenai pelesenan mesin cetak, pemberian permit penerbitan, hasil penerbitan tidak diinginkan dan hal penguatkuasaan.

Salah satu fungsi Kementerian Dalam Negeri adalah untuk memastikan kawalan ke atas segala bahan penerbitan mematuhi syarat yang telah ditetapkan berdasarkan kepada akta-akta yang berkaitan. Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan, Kementerian Dalam Negeri menguatkuasakan AMCP 1984 serta berperanan mengawal dan memastikan semua bahan penerbitan yang dicetak, diterbitkan, diimport dan diedar di dalam negara tidak mengandungi bahan-bahan yang boleh memudaratkan keselamatan dan ketenteraman awam, kemoralan, kepentingan awam dan kepentingan negara, menggemparkan fikiran orang ramai serta tidak melanggar mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa.

AMCP 1984 telah dipinda pada tahun 2012 merangkumi perkara-perkara yang berikut:

(a) Seksyen 12 - Kesahan Lesen dan Permit

Lesen Mesin Cetak (LMC) dan Permit Penerbitan (PP) kekal sah sehingga dibatalkan oleh Kementerian Dalam Negeri.

(b) Seksyen 13B - Hak untuk Didengar

Pemegang LMC dan PP diberikan hak untuk didengar sebelum sesuatu keputusan dibuat untuk membatalkan atau menggantung lesen atau permit mereka.

2. TUJUAN KONSULTASI

Konsultasi awam diadakan bagi mendapatkan pandangan dan input pihak-pihak berkaitan berhubung pindaan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) 1984.

3. ANALISIS SENARIO SEMASA

***Benchmarking* Negara Maju dan Serantau**

Kawalan penerbitan di negara-negara maju adalah berbeza berbanding negara membangun. Model negara-negara maju adalah berasaskan kebebasan bersuara mutlak dan hak asasi individu termasuk hak untuk menerbitkan maklumat dan idea tanpa sebarang kawalan manakala negara sedang membangun pula lebih berpegang kepada nilai keharmonian masyarakat dan budaya. Mengambil kira, landskap sosial Malaysia yang mempunyai kepelbagaian kaum, bangsa dan agama, model negara maju di kawasan serantau wajar dijadikan sebagai amalan baik. Sehubungan itu, undang-undang penerbitan dan kaedah kawalan negara United Kingdom, Singapura dan Brunei telah diperhalusi dan dibuat perbandingan demi menambah baik AMCP 1984 sedia ada. Model perundangan negara Singapura mementingkan kepentingan awam, keselamatan negara dan keharmonian kaum. Manakala perundangan Brunei pula mengutamakan ketertiban awam dan kemoralan. Undang-undang United Kingdom adalah berkenaan larangan ke atas penerbitan yang bertentangan dengan norma hidup masyarakat.

Ancaman Penerbitan Tidak Diingini

AMCP 1984 memainkan peranan penting di dalam menjayakan Dasar Keselamatan Negara 2021-2025 (DKN) melalui Teras 8 iaitu memberi keutamaan terhadap keselamatan rakyat. Akta ini berperanan mengawal penerbitan daripada elemen-elemen yang boleh memudaratkan keselamatan dan ketenteraman awam. Hal ini sejajar dengan strategi pelaksanaan DKN untuk melindungi rakyat serta menjamin ketenteraman awam dengan tindakan menyeluruh dan bersepadu untuk mencegah situasi dan tindak-tanduk melampau yang menimbulkan keresahan serta menggugat keharmonian

masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Penularan bahan-bahan bercetak yang bersifat songsang dan bercanggah dengan agama, bangsa dan negara Malaysia perlu dibendung, khususnya bagi memastikan rakyat Malaysia mempunyai jati diri yang konsisten dengan Rukun Negara. Globalisasi yang kian menghambat telah mengecilkan jurang antara negara, dan lantaran itu pengaruh daripada luar berpotensi mempengaruhi pemikiran rakyat Malaysia, termasuk buku lucah dan buku berkaitan ideologi ekstrem yang tidak sesuai dengan budaya di Malaysia. AMCP perlu menyekat penerbitan-penerbitan dan kandungan yang bercanggah dengan nilai moral yang diterima di Malaysia seperti penerbitan yang memaparkan artikel atau gambar lucah, penggunaan bahasa kesat atau melanggar sosiobudaya dan mempromosi gaya hidup tidak bermoral yang bertentangan dengan kesopanan awam, nilai-nilai murni, tatasusila masyarakat dan pegangan agama.

Digitalisasi

Dunia penerbitan melalui evolusi telah merubah landskap dan persekitaran penerbitan masa kini, selari dengan kemajuan teknologi pengkomputeran dan pendigitalan. Kewujudan aplikasi-aplikasi baharu dalam dunia teknologi komunikasi menawarkan medium-medium alternatif untuk masyarakat memperoleh maklumat dengan lebih cepat dan mudah. Perubahan-perubahan ini bukan sahaja merubah proses pengeluaran tetapi seluruh rangkaian penerbitan termasuk dari segi pemasaran. Kebanjiran pemasaran dalam talian turut mempengaruhi permintaan terhadap bahan penerbitan. Walau bagaimanapun, kawalan bahan penerbitan bercetak kini semakin sukar, tambahan pula dengan lambakan bahan yang tidak bercetak yang mudah diperolehi melalui Internet yang menimbulkan sifat ingin tahu dalam kalangan rakyat. Perkembangan internet telah menyebabkan penerbitan konvensional bukan lagi medan utama malah telah mempelbagaikan lagi platform untuk penerbitan. Situasi ini menjadi cabaran kepada pihak kerajaan untuk mengawal selia hasil penerbitan yang diterbitkan dalam platform dalam talian. AMCP 1984 yang digubal bagi mengawal aktiviti serta kegiatan percetakan dan penerbitan bahan bercetak di negara ini dilihat perlu diperluaskan bagi meliputi kawalan terhadap bahan yang dipaparkan dalam laman Internet.

Race, Religion and Royalty (3R)

Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam 2019 (DKKA) menetapkan Teras 4 bagi memastikan keselamatan dan ketenteraman awam terjamin. AMCP 1984 merupakan akta yang relevan berbentuk pencegahan (*prevention*) bagi memastikan bahan penerbitan di negara ini tidak mempunyai elemen-elemen yang boleh memudaratkan keselamatan dan ketenteraman awam. Perpaduan rakyat merupakan inti utama bagi negara Malaysia yang mempunyai masyarakat majmuk berbilang bangsa, etnik, budaya dan agama. Perkara-perkara sensitif terutamanya seperti isu 3R "*Race, Religion and Royalty*" yang boleh memudaratkan ketenteraman awam, keselamatan negara, perpecahan, ketidaktenteraman mahu pun menggemparkan fikiran masyarakat perlu dikekang daripada menular dan meracuni pemikiran rakyat melalui media penerbitan. Justeru, penguatkuasaan AMCP 1984 adalah penting untuk mengawal penyebaran fahaman dan gerakan yang bercanggah dengan sosiobudaya dan nilai masyarakat tempatan sekian mengancam ketenteraman awam serta perpaduan nasional.

Kestabilan dan Keharmonian

Malaysia merupakan negara majmuk yang mempunyai pelbagai bangsa dan agama. Kepelbagaian ini satu keunikan yang sepatutnya dirai dan menjadi kebanggaan rakyat. Keharmonian dalam kemajmukan ini menjadikan Malaysia negara yang sering dicontohi masyarakat antarabangsa, namun sebagai negara dengan rakyat berbilang kaum dan budaya, masyarakat kadangkala berdepan isu sensitif yang boleh menggugat ketenteraman dan keharmonian. Isu ini selalunya menyentuh soal perbezaan kefahaman mengenai agama, budaya dan kaum masing-masing. Diversiti dan keunikan rakyat di Malaysia ini berpotensi menimbulkan ketegangan sekiranya tiada kawalan ke atas sentimen yang sensitif, contohnya ketegangan kaum yang membawa kepada tragedi 13 Mei 1969. Kerajaan juga mengawal bahan penerbitan bercetak kerana struktur masyarakat yang menganuti pelbagai agama. Kawalan ini perlu bagi mengawal edaran bahan penerbitan bercetak yang mempersendakan agama kaum-kaum lain.

Memperkemas Penguatkuasaan

Tiada kuasa siasatan dan pendakwaan yang jelas diperuntukkan kepada anggota Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan, Kementerian Dalam Negeri. Dalam situasi sekarang, siasatan dilaksanakan oleh pegawai Polis Diraja Malaysia iaitu pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada Penolong Penguasa. Situasi ini menyebabkan berlakunya '*break chain of evidence*' kerana anggota yang terlibat di dalam operasi penguatkuasaan dan rampasan adalah Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan, Kementerian Dalam Negeri manakala siasatan dan pendakwaan dilaksanakan oleh pihak polis. Kesulitan ini mengakibatkan tindakan penguatkuasaan tidak menyeluruh dan Kertas Siasatan tidak cukup kukuh untuk dibawa ke Mahkamah untuk pendakwaan. Namun, kes-kes pelanggaran AMCP semakin meningkat sedangkan keanggotaan Polis Diraja Malaysia di Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan, Kementerian Dalam Negeri adalah terhad. Oleh yang demikian, dengan cabaran semasa yang lebih besar maka peranan anggota Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan, Kementerian Dalam Negeri juga perlu diperkasakan.

Akta yang Lebih Berkesan

AMCP perlu disemak dan disusun semula agar prinsip asas dalam undang-undang ini berkaitan keselamatan dapat mengimbangi keperluan untuk menjaga keselamatan negara dengan berkesan. Pada masa yang sama, ia bersesuaian dengan keadaan semasa dan memelihara hak kebebasan bersuara setiap warganegara Malaysia dijamin selaras dengan Perkara 10(1)(a), Perlembagaan Persekutuan. Namun, Parlimen masih mempunyai kuasa untuk menggubal dan mengehadkan hak tersebut melalui peruntukan di bawah Perkara 10(2)(a). Peruntukan tersebut menyatakan bahawa Parlimen boleh melalui undang-undang mengenakan apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau sesuai demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, hubungan baik dengan negara-negara lain, ketenteraman awam atau prinsip moral dan sekatan-sekatan yang bertujuan melindungi keistimewaan Parlimen atau mana-mana Dewan Undangan atau untuk membuat peruntukan menentang penghinaan mahkamah, fitnah atau

pengapian apa-apa kesalahan. Ini bermaksud meskipun hak kebebasan bersuara dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan, ianya bukan bersifat mutlak dan boleh dihadkan di dalam keadaan-keadaan tertentu yang dibenarkan oleh undang-undang terutamanya di dalam hal berkaitan keselamatan dan ketenteraman awam.

Pindaan AMCP dapat mengimbangi kehendak masyarakat yang semakin mencabar dalam era globalisasi ini dengan menjamin keselamatan dari pelbagai perspektif yang berbeza. Kerangka pindaan AMCP amat signifikan dalam memenuhi dan menyeimbangkan keperluan dan kehendak semua pihak termasuk pengamal media dan penerbit. Dari aspek kebebasan media, kedudukan Malaysia adalah semakin baik dari tahun 2017 sehingga 2023 bagi penarafan Indeks Kebebasan Media Sedunia (*World Press Freedom Index*). Kedudukan penarafan Malaysia di dalam Indeks Kebebasan Media Sedunia adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Indeks Kebebasan Media Sedunia (*World Press Freedom Index*)

No.	Tahun	Kedudukan Penarafan Malaysia
1.	2023	73/180
2.	2022	113/180
3.	2021	119/180
4.	2020	101/180
5.	2019	123/180
6.	2018	145/180
7.	2017	144/180

(Sumber: <https://rsf.org/en/2023-world-press-freedom-index-journalism-threatened-fake-content-industry>)

Indeks Kebebasan Media Sedunia dikeluarkan oleh *Reporters Without Borders* (*Reporters Sans Frontières*, RSF) untuk mengukur tahap kebebasan media di seluruh dunia dengan mengambil kira faktor-faktor seperti undang-undang yang berkaitan dengan media, kebebasan wartawan, tekanan politik terhadap media dan sebagainya. Berdasarkan kedudukan ini, Malaysia berada pada kedudukan yang agak baik dalam hal kebebasan media. Oleh itu, masih ada ruang untuk memperkemas AMCP 1984 bagi membolehkan penguatkuasaan

dan kawal selia berkesan ke atas penerbitan demi menjamin keselamatan, kestabilan dan kesejahteraan rakyat dan negara dengan menyediakan ruang untuk bersuara tanpa menjejaskan Malaysia pada kedudukan yang sangat rendah.

Kajian Keberkesanan AMCP 1984

Kajian Keberkesanan Penguatkuasaan dan Kawalselia Penerbitan di bawah AMCP 1984 telah dijalankan oleh Kementerian Dalam Negeri bersama Universiti Utara Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sultan Zainal Abidin pada tahun 2022. Kajian tersebut dilaksanakan bagi mengenal pasti cabaran dan isu dalam penguatkuasaan dan kawal selia penerbitan, membincangkan aspek penambahbaikan AMCP 1984 dan cadangan pindaan bagi memperkemaskan akta ini. Dapatan kajian telah diperolehi melalui perbincangan kumpulan fokus (*Focus Group Discussion*), temu bual, sesi *townhall* dan kajian kes bersama pemegang taruh seperti penerbit, pencetak, pengimport, Badan Bukan Kerajaan, agensi kerajaan dan wakil-wakil agama.

Hasil kajian tersebut merumuskan bahawa AMCP 1984 merupakan undang-undang yang penting untuk menjamin keselamatan negara dan ketenteraman awam. Hasil kajian juga mencadangkan agar AMCP 1984 diperkemaskan bagi memastikan penguatkuasaan dan kawal selia terhadap penerbitan dilaksanakan dengan lebih berkesan terutamanya untuk mengekang penyebaran ideologi liberalisme, atheisme, pluralisme, penyimpangan seksual dan norma budaya masyarakat Malaysia serta manipulasi isu sensitif berkaitan agama, bangsa dan institusi raja-raja.

Setelah mengambil kira cadangan-cadangan yang telah dibangkitkan di dalam kajian tersebut serta perbincangan kumpulan fokus, Kementerian Dalam Negeri berpandangan bahawa AMCP 1984 perlu dikekalkan dengan pindaan penambahbaikan bagi mengawal sebarang kandungan penerbitan yang boleh memudaratkan ketenteraman awam, memudaratkan kemoralan, memudaratkan keselamatan, menggemparkan fikiran orang ramai, berlawanan

dengan mana-mana undang-undang serta memudaratkan kepentingan awam dan negara selaras dengan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan mengikut perkembangan semasa dan teknologi.

4. METODOLOGI DAN PIHAK – PIHAK BERKEPENTINGAN YANG TERLIBAT

4.1 Metodologi

Beberapa kaedah seperti mesyuarat dan soal selidik melalui portal *Unified Public Consultation* telah dilaksanakan untuk mengumpul maklum balas dan input daripada pihak – pihak yang berkepentingan menggunakan jadual di bawah.

Kaedah	Deskripsi
Mesyuarat	<p>Mesyuarat Bersama wakil Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Komunikasi dan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia (SKMM) telah diadakan pada 30 Januari 2024 dan 26 Mac 2024 untuk berbincang dan memastikan pindaan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) 1984 tidak melibatkan pertindihan fungsi dan peranan PDRM dan SKMM</p> <p>Mesyuarat juga telah diadakan bersama:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) pemegang Permit dan Lesen Mesin Cetak ii) wakil-wakil persatuan penerbitan dan percetakan seperti: <ul style="list-style-type: none"> a) Dewan Industri Buku b) Malaysia Malaysian Book Publishers Association c) Persatuan Pengusaha Pencetak-Pencetak Malaysia d) Persatuan Pencetak Malaysia iii) Pengimport yang besar seperti: <ul style="list-style-type: none"> a) Kinokuniya. b) Popular Books c) Tsutaya Book d) Big Bad Wolf iv) Penerbit akhbar utama v) Wakil-wakil NGO: <ul style="list-style-type: none"> a) Centre For Independent Journalism b) Sisters in Islam (SIS) c) Council Of Churches Malaysia

	<ul style="list-style-type: none"> d) iPEGUAM e) Pertubuhan Ikram Malaysia f) Persatuan Peguam Peguam Muslim Malaysia g) Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) h) Ilmuwan Ahli Sunnah Wal Jamaah (ISLAMI) i) Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) j) Pertubuhan Ikram Malaysia <ul style="list-style-type: none"> vi) Agensi Kerajaan <ul style="list-style-type: none"> a) Polis Diraja Malaysia- E4 b) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) c) Angkatan Tentera Malaysia (ATM) d) National Cyber Security Agency (NACSA), e) Majlis Keselamatan Negara (MKN) f) Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri g) Perpustakaan Negara Malaysia h) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) i) Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan j) Jabatan Agama Islam Negeri
Perbincangan Kumpulan	Perbincangan Kumpulan telah diadakan pada 11 Mac 2024 dengan wakil-wakil NGO, media dan akhbar, persatuan-persatuan pencetakan dan penerbitan, pemegang-pemegang Permit Penerbitan serta pemegang Lesen Mesin Cetak (LMC) bagi mendapatkan input berhubung cadangan pindaan AMCP 1984.
<i>Unified Public Consultation (UPC) Portal</i>	Konsultasi secara dalam talian bersama pihak-pihak berkepentingan akan diadakan daripada 1 – 14 Mac 2024 melalui portal UPC, MPC bagi mendapatkan input berhubung cadangan pindaan AMCP 1984.

4.2 Pihak – pihak berkepentingan yang terlibat

Semasa sesi konsultasi antara Januari 2024 sehingga April 2024, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah menjemput wakil – wakil daripada pihak-pihak berkepentingan yang akan menerima impak/kesan daripada Pindaan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) 1984.

Berikut adalah senarai pihak- pihak berkepentingan yang terlibat dalam sesi konsultasi tersebut:

4.2.1 Kementerian/Jabatan/ Agensi Persekutuan

- a. Kementerian Komunikasi (KKOM)
- b. Polis DiRaja Malaysia (PDRM)
- c. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)
- d. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM), Pejabat Mufti Selangor, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan
- e. Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Bahagian Penyelidikan JPM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)

4.2.2 Badan Bukan Kerajaan (NGO)

4.2.3 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)

4.2.4 Editor Akhbar dan Media

4.2.5 Persatuan Pencetak dan Penerbit

4.2.6 Pengimport Bahan Penerbitan dan Percetakan

4.2.7 Pemegang Permit Penerbitan

4.2.8 Pemegang Lesen Mesin Cetak dan Penerbitan

5. ANALISIS KONSULTASI AWAM

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
Sesi Libat Urus (SLU) bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM)	20/6/2022	<p>Cabaran yang dihadapi oleh pihak SKMM</p> <ul style="list-style-type: none"> • Terlalu banyak kandungan di dalam talian dan sukar untuk melaksanakan pemantauan 24 jam sehari terhadap kandungan di dalam talian. Tindakan menyekat laman web tertentu (sekiranya didapati mengandungi kandungan yang jelik atau tidak disenang memberi implikasi kewangan kepada pemilik laman web yang berbayar. SKMM akan hanya mengambil tindakan sekiranya ada aduan yang diterima. Namun, proses menentusahkan sesuatu berita yang didakwa palsu adalah sangat mencabar. 	<p>Pihak SKMM bersetuju agar AMCP turut diperluaskan untuk merangkumi kandungan berita di dalam talian. Ini adalah kerana SKMM tidak mengawalselia kandungan berita di dalam talian atau melesenkan portal berita di dalam talian. SKMM hanya akan mengambil tindakan terhadap sesuatu laman web jika menerima aduan daripada orang ramai.</p> <p>Definisi dan Kriteria yang Jelas untuk Portal Berita di Dalam Talian</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menurut pihak SKMM, portal berita di dalam talian perlu mempunyai definisi dan takrifan yang jelas; adakah hanya untuk portal berita yang ada akhbar bercetak sahaja atau semua jenis portal berita. Oleh itu, kriteria yang perlu ditetapkan bagi sebuah portal berita di dalam talian. Di antara cadangan SKMM bagi kriteria portal berita di dalam talian ialah: <ol style="list-style-type: none"> i. bilangan atau peratus kandungan berita yang diterbitkan didalam sehari, bilangan pengikut portal tersebut, ii. bilangan 'subskripsi' terhadap portal berita dalam talian; atau iii. bilangan wartawan yang mendapatkan berita.

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
<p><i>Sesi Libat Urus (SLU) Bersama Agensi-agensi Kerajaan (Cawangan Khas PDRM, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia(JKDM), Pejabat Mufti Selangor, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan)</i></p>	<p>7/7/2022</p>	<p>Hasil Penerbitan Tidak Diingini</p> <ul style="list-style-type: none"> • Cawangan Khas, PDRM turut membuat kajian penerbitan. Namun, kuasa pegawai polis untuk mengambil tindakan ke atas penerbitan adalah terhad. Kajian teliti perlu dibuat sebelum sebarang tindakan diambil terhadap sesuatu premis perniagaan atau individu. PDRM tidak membuat sebarang pendakwaan AMCP sebaliknya hanya mengeluarkan laporan ulasan dan syor perintah larangan. • JAKIM menyatakan bahawa istilah kegemparan awam adalah tidak kukuh untuk dijadikan asas bagi mengharamkan sesebuah penerbitan. 	<p>Jawatankuasa Semakan Penerbitan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Cadangan penubuhan Jawatankuasa Semakan Penerbitan dibawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 2012 berfungsi sebagai penasihat kepada menteri dan juga untuk membincangkan hal-hal mengenai isi kandungan sesuatu buku <p>Jawatankuasa Panel Bahan Media Berunsur Islam Di Jakim</p> <ul style="list-style-type: none"> • Punca kuasa pelantikan Jawatankuasa Panel Bahan Media Berunsur Islam perlu dikaji semula kerana punca kuasa sebenarnya adalah di KDN melalui AMCP dan bukannya di JAKIM.

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
<p>Sesi Libat Urus (SLU) Bersama Pengimport Penerbitan: Big Bad Wolf, Kinokuniya, Popular Books dan Tsutaya Books</p>	<p>25/2/2022</p>	<p>Kandungan Penerbitan Import</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pihak pengimport tidak mengetahui sepenuhnya mengenai isi kandungan penerbitan yang diimport. Jelasnya, mereka hanya mendapat maklumat mengenai tajuk dan <i>genre</i> penerbitan. • Pihak pengimport perlu lebih selektif dalam memilih penerbitan yang diimport masuk ke Malaysia. • Pihak pengimport perlu mengeluarkan senarai tajuk penerbitan diimport yang bakal diterima masuk di mana-mana pintu masuk bagi memudahkan pihak penguatkuasa • Menurut BBW, kesemua bahan penerbitan yang diimport telah bercampur-aduk secara 'bundle' di dalam 1 kontena. Tiada cara yang mudah untuk memeriksa kandungan buku apabila mereka masuk didalam jumlah yang besar. • Pemeriksaan oleh anggota penguatkuasa PKK adalah tertakluk kepada tajuk penerbitan tanpa pemeriksaan menyeluruh. Bahan penerbitan akan dikembalikan kepada 	<p>Kaedah AMCP</p> <ul style="list-style-type: none"> • Garis Panduan Penerbitan perlu diwarta di bawah kaedah AMCP dan perlu ada klausa "Pengecualian" terhadap penerbitan yang dilarang contohnya isi kandungan tersebut memang benar-benar diperlukan sebagai asas pendidikan (buku akademik) atau kesihatan. <p>Penguatkuasaan Di Pintu Masuk</p> <ul style="list-style-type: none"> • Corak penerbitan import adalah berdasarkan <i>trend</i> pasaran di mana kandungan penerbitan luar negara ini adalah di luar kawalan syarikat pengedar dan peruncit buku. Malah kemasukan penerbitan <i>one-off</i> ini tidak memerlukan perolehan permit atau kebenaran daripada KDN terlebih dahulu. • Pengimport berpendapat penerbitan selain penerbitan Perintah Larangan boleh diimport masuk ke Malaysia.

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
		<p data-bbox="763 240 1352 347">pengimport setelah selesai semakan, tidak sesekali dipegang oleh pihak penguatkuasa.</p> <p data-bbox="728 384 1196 421">Penguatkuasaan Di Pintu Masuk</p> <ul data-bbox="728 464 1352 1353" style="list-style-type: none"> <li data-bbox="728 464 1352 826">• Kawalan utama kemasukan barangan dagangan import di pintu-pintu utama masuk negara adalah di bawah Jabatan Kastam DiRajaMalaysia (JKDRM). Agensi-agensi kerajaan lain (OGA) yang terlibat dalam proses pemeriksaan, pelepasan dan penahanan seperti PK bergantung dengan senarai penjenisan barangan yang telah ditetapkan Kod Tariff dalam Perintah Duti Kastam (PDK). <li data-bbox="728 874 1352 1129">• Perkara 5 Jadual Pertama (Larangan Mutlak) Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017. Interpretasi "tidak senonoh atau lucah" dalam perkara ini tidak jelas dari segi teknikal perundangan dan menyukarkan penguatkuasaan di pintu-pintu masuk. <li data-bbox="728 1177 1352 1353">• Kebanyakan pengimport terutamanya syarikat pengedaran dan peruncitan buku kurang kesedaran tanggungjawab sosial untuk melakukan tapisan sendiri (self-censorship). 	

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
		<ul style="list-style-type: none"> • Sesetengah kandungan penerbitan berunsur kemoralan telah ditapis contohnya Kunokuniya dan Popular oleh terlebih dahulu oleh penerbit namun masih tidak menepati piawaian Garis Panduan Penerbitan. <p>Jumlah Kemasukan dan Keupayaan Pemeriksaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kemasukan bahan penerbitan secara pukal dalam kuantiti yang besar oleh syarikat pengimport dan tempoh masa penyerahan Senarai Semak (<i>Packing List</i>) yang singkat merupakan cabaran besar kepada anggota di lapangan pemeriksaan terutamanya di pelabuhan. Pemeriksaan barangan dagangan import dalam bentuk bahan bercetak adalah berdasarkan judul dan penelitian terhadap kandungan adalah dilakukan secara rawak dan ringkas 	
<i>Sesi Libat Urus (SLU) Bersama Persatuan Penerbit dan Pencetakan (Dewan Industri Buku Malaysia, Persatuan Pengusaha Pencetak-Pencetak</i>	22/7/2022	<p>Kawalan Pencetakan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Wakil pencetak menyatakan bahawa tanggungjawab pencetak hanya mencetak sahaja, tidak menapis kandungan sebab tiada masa untuk baca kandungannya, penerbit yang 	<p>Pengemaskinian maklumat Permit Penerbitan dan Lesen Mesin Cetak (LMC)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pihak penerbit/pencetak mencadangkan agar diwujudkan portal untuk memudahkan mereka mengemaskini maklumat penerbit/pencetak secara online.

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
<p>Malaysia, The Selangor & Federation Territory Chinese Printing Presses Association, Persatuan Pencetak Malaysia, Malaysian Book Publishers Association)</p>		<p>bertanggungjawab untuk menapis kandungan sesuatu penerbitan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sekiranya LMC dikekalkan, perlu definisi dan kriteria yang jelas mengenai mesin cetak yang wajib ada LMC. • Kemajuan teknologi dan tren mesin cetak tradisional (<i>printing press</i>) • beralih kepada mesin cetak laserjet (digital). Namun, AMCP tidak mensyaratkan Mesin Cetak Digital mempunyai LMC. 	<ul style="list-style-type: none"> • Wakil-wakil penerbit dan pencetak berpendapat bahawa mesin cetak tidak perlu dikawal sebaliknya yang perlu dikawal adalah isi kandungan penerbitan yang melanggar Garis Panduan Penerbitan. <p>Penambahbaikan Penguatkuasaan dan Kawalan</p> <ul style="list-style-type: none"> • PKK diminta mengurangkan karenah birokrasi untuk proses permohonan permit penerbitan/lesen mesin cetak. • Pihak penerbit/pencetak meminta agar PKK membuat kajian perbandingan dengan negara lain yang berdekatan mengenai kawalan dan penguatkuasaan terhadap bahan penerbitan serta mansuhkan seksyen yang tidak lagi relevan di dalam AMCP. <p>Perintah Larangan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pihak pencetak/ penerbit mencadangkan agar PKK menyatakan sebab-sebab sesebuah buku dikenakan Perintah Larangan serta hak untuk didengari (<i>right to be heard</i>).

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
<p>Sesi Libat Urus (SLU) Bersama Ketua Pengarang/ Pengarang Akhbar</p>	<p>3/08/2022</p>	<p>Senario industri akhbar bercetak hari ini</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Trend</i> edaran akhbar telah turun kepada kurang daripada 10% berbanding edaran akhbar 15 tahun yang lepas. KDN dialu-alukan untuk menambahbaik proses kerja berkaitan Permit Penerbitan agar dapat membantu industri akhbar untuk terus berkembang. • Syarikat-syarikat Akhbar sedang menghadapi pelbagai cabaran dalam pengurusan operasi, pengeluaran dan tenaga kerja. • Syarikat akhbar sentiasa patuh kepada arahan yang dikeluarkan. Sepatutnya tindakan perlu diambil terhadap penerbit-penerbit yang tidak berdaftar dengan mana-mana agensi. • Pihak akhbar mengamalkan langkah-langkah tertentu dalam melakukan <i>self censorship</i> sebelum menerbitkan sesuatu berita. <p>AMCP Tidak Lagi Relevan</p> <ul style="list-style-type: none"> • AMCP merupakan akta lapuk yang menekan akhbar dan tidak lagi relevan pada hari ini. 	<p>Cadangan Ketua Pengarang/Pengarang Akhbar</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kuasa siasatan diberi kepada anggota penguatkuasa kerana kuasa ini boleh disalahgunakan untuk menggantung atau membatalkan permit akhbar. • Tindakan yang diambil oleh KDN ke atas penerbit-penerbit akhbar pada masa kini sudah memadai dan tidak memerlukan pindaan akta. • Kerajaan perlu melindungi penerbit dan wartawan akhbar daripada tindakan undang-undang. • Jika kawalselia penerbitan masih perlu maka akta baharu perlu diwujudkan untuk mengatasi masalah-masalah yang ditimbulkan oleh penerbitan lain selain akhbar harian. • Akta-akta sedia ada seperti Kanun Prosedur Jenayahserta Akta Komunikasi dan Multimedia cukup untuk digunakan untuk mengawal penerbitan dalam talian, tidak perlu kepada Akta lain (AMCP).

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
		<ul style="list-style-type: none"> • Akta ini pada awalnya diwujudkan untuk mengawal penularan ideologi komunisme dan ianya tidak diperlukan pada zaman sekarang. • Kuasa MDN yang luas menyebabkan pihak akhbar sentiasa di dalam ketakutan kerana KDN mempunyai kuasa untuk membatalkan atau menggantung Permit Penerbitan. <p>Media Council</p> <ul style="list-style-type: none"> • AMCP perlu dimansuhkan dan Media Council ditubuhkan sebagaimana di negara jiran seperti Indonesia. • Perjuangan untuk menubuhkan Majlis Media tidak direalisasikan telah dibangkitkan lebih daripada 40 tahun dahulu kerana kerajaan tidak menyokong ke arah pengawalseliaan media secara sendiri. <p>Hasil Penerbitan Tidak Diingini -Sek 7 AMCP</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peruntukan di dalam dan garis panduan, elemen Seksyen 7 iaitu “mengancam 	

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
		<p>keselamatan dan menggemparkan fikiran” adalah tidak jelas</p> <p>Kawalan terhadap kandungan berita di dalam talian</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pihak akhbar tidak bersetuju dengan cadangan KDN mengawal kandungan berita dalam talian. • Kawalan terhadap kandungan berita dalam talian akan memberi kesan kepada penerbit-penerbit akhbar yang turut memiliki portal berita dalam talian. Pada masa sama, penerbit-penerbit berita dalam talian yang tidak berdaftar bebas melakukan apa sahaja tanpa sebarang tindakan dari KDN. • Cabaran utama penerbit akhbar ialah tindakan ‘<i>aggregators</i>’ atau penghasil konten yang sering memplagiat kandungan berita dalam talian. • Penerbit berita dalam talian telah berdaftar dengan Jabatan Penerangan dan perlu memiliki kad media untuk melaporkan sebarang berita. 	

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
<p><i>Sesi Libat Urus (SLU) Bersama Agensi Keselamatan (ATM, Bahagian Penyelidikan JPM, Cawangan Khas, PDRM dan APMM)</i></p>	<p>3/8/2022</p>	<p>Angkatan Tentera Malaysia (ATM)</p> <ul style="list-style-type: none"> • ATM berpendapat di antara isu-isu yang berpotensi menjejaskan isu keselamatan di Malaysia dari perspektif ancaman ekstremisme, radikalisme dan terorisme ialah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i) Penyebaran dan penerbitan propaganda serta naratif ekstremis medan keganasan di alam maya; ii) Penemuan ruang sembang (<i>chatroom</i>) yang mengandungi nombor telefon Malaysia yang menyebarkan naratif jihad, hijrah ke Afghanistan, perjuangan pemerintahan khilafah dan rancangan melakukan keganasan; iii) Kempen hashtag mengkritik kerajaan dari perspektif radikalisme, ekstremisme dan terorisme; iv) Gerakan Agenda Reset Malaysia; v) Isu penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian; vi) Ancaman ideologi Hindutva di Malaysia; dan vii) Ancaman komunisme. 	<p>Cadangan PDRM</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kuasa Menteri Dalam Negeri (MDN) diturunkan dengan penubuhan Jawatankuasa Kawalan Penerbitan. • Hukuman atau penalti (jika sabit kesalahan) dinaikkan kepada penjara maksimum 6 tahun dan denda maksimum kepada RM100,000. • AMCP wajar dibaca bersama Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan PDRM sentiasa sedia berkerjasama untuk membantu pihak penguatkuasa membuat pemeriksaan ke atas penerbitan secara rawak dipintu-pintu masuk negara. <p>Cadangan Majlis Keselamatan Negara (MKN)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sebarang pindaan akta harus memberi impak positif kepada negara serta mengatasi kelompongan akta di dalam sesuatu keadaan/isu. • Pindaan bagi mengawalselia penerbitan digital/elektronik perlu takrifan serta langkah penguatkuasaan dan kawalan yang jelas dan terperinci.

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
		<p>Polis Diraja Malaysia (PDRM)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Antara elemen yang dianggap mengancam keselamatan negara ialah penghinaan terhadap agama Islam, penghinaan terhadap YDP Agong dan Institusi Diraja, isu kristianisasi dan ancaman terrorisme. • Sebanyak 103 kes dan 1181 laporan polis direkodkan bagi kes berkaitan penghinaan terhadap agama Islam dan kesemuanya melibatkan komen-komen di media sosial dan tidak melibatkan penerbitan. • 202 kes dan 1435 laporan polis telah direkodkan bagi kes penghinaan terhadap YDPA bagi tahun 2020-2022. • Pemilikan buku dan bahan digital yang berkait dengan kumpulan pengganas atau perbuatan pengganas boleh diambil di bawah Seksyen 130JB (1) (a) Kanun Keseksaan. Terdapat lebih kurang 43 persatuan bekas komunis di seluruh negara di atas nama Persatuan Persahabatan, Persatuan Kawan Karib dan persatuan Lao You. 	<ul style="list-style-type: none"> • Permit Penerbitan dan Lesen Mesin Cetak perlu disyaratkan pembaharuan setiap tahun. • Kawalan melalui pemberian lesen dan yuran pengoperasian didalam negara juga perlu dilaksanakan oleh SKMM ke atas platform media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter, Whatsapp dan Metaverse.

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
		<p>Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri</p> <ul style="list-style-type: none"> Landskap keganasan global telah meningkat sebanyak 17% daripada 4458 pada 2020 kepada 5226 pada 2021. Daesh dan Al-Qaeda kekal sebagai kumpulan pengganas utama global manakala sub sahara Afrika muncul sebagai pusat keganasan global. Kemasukan diaspora Afrika mungkin mendedahkan rakyat Malaysia kepada gerakan radikal dan aktiviti berkaitan keganasan. 	
<p><i>Sesi Libat Urus (SLU) Bersama Agensi Penguatkuasaan (JIM, AADK, MBSA, MBSJ, PKK Selangor)</i></p>	<p>4/8/2022</p>	<p>Isu-isu Kawalselia dan Penguatkuasaan Penerbitan -PK Selangor</p> <p>Kebergantungan kepada kuasa polis.</p> <ul style="list-style-type: none"> AMCP hanya memperuntukkan kuasa siasatan kepada pihak PDRM dan bukan kepada anggota penguatkuasa PKK. <p>Campur tangan politik</p> <ul style="list-style-type: none"> Perubahan tampuk pemerintahan khususnya Menteri yang memegang kuasa mengakibatkan sesuatu polisi 	<p>Cadangan Penambahbaikan oleh Agensi Penguatkuasaan</p> <ul style="list-style-type: none"> Tafsiran tujuh elemen hasil penerbitan tidak diingini - Seksyen 7(1) AMCP mengenai Hasil Penerbitan tidak diingini perlu dikaji. Tambahan tafsiran: 'dalam talian (online)', 'pencetakan', 'perisian komputer', 'mesin penyalin', 'premis' dan 'penjual'. Memasukkan elemen-elemen baru yang lebih jelas di bawah Seksyen 7 (1) contoh: sensitiviti agama, raja-raja dan kaum.

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
		<p>sedia ada kerap berubah. Perkara ini merumitkan proses penguatkuasaan oleh sebab pihak penguatkuasa perlu merujuk polisi, undang-undang atau pekeliling yang berkemungkinan berubah mengikut pertukaran pemimpin.</p> <p>Desakan beberapa pihak berkepentingan Kebebasan Bersuara</p> <ul style="list-style-type: none"> • AMCP 1984 dituduh sebagai akta yang mengawal dan menyekat kebebasan oleh beberapa pertubuhan seperti badan bukan kerajaan (NGO, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM). AMCP 1984 juga dituntut agar dibubarkan agar kebebasan media lebih terjamin dalam melaporkan sesuatu isu atau berita. <p>Media baharu</p> <ul style="list-style-type: none"> • AMCP 1984 tiada peruntukan kawalan terhadap media baharu yang meliputi penggunaan pelbagai platform. Perkara ini menimbulkan rasa tidak senang di kalangan penerbit/ pemegang lesen dan permit mesin cetak. • Perintah Larangan diwartakan tanpa rujukan pakar-pakar Perintah larangan terhadap 	<ul style="list-style-type: none"> • Kuasa siasatan dimasukkan secara jelas. • Diwujudkan pengkompaun kesalahan. • Wujudkan peruntukan berkaitan panel kajian (kumpulan pakar /skim penerbitan secara khusus). • Kuasa tangkapan dengan waran atau tanpa waran dinyatakan di dalam AMCP 1984 bagi tujuan operasi penguatkuasaan. • Pihak PBT dapat melaksanakan penguatkuasaan sekiranya agensi-agensi lain memberikan kuasa kepada PBT. Kuasa pernah diturunkan kepada PBT seperti kuasa Peraturan 16(1) dari Kementerian Kesihatan yang telah diturunkan kepada PBT untuk mengambil Tindakan atas Akta 342 iaitu tindakan Penyakit Berjangkit. • AMCP 1984 masih relevan dan diperlukan namun perlu dipinda terutamanya elemen Kaedah • AMCP perlu diperluas kepada kandungan di dalam talian bagi mendepani cabaran-cabaran pada masa kini.

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
		<p>bahan penerbitan yang dikeluarkan oleh Menteri berdasarkan syor/cadangan Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Penerbitan dan Pelesenan (JKPPP). Namun JKPPP tiada punca kuasa di dalam AMCP.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keterlewatan dalam mengambil tindakan KDN dikatakan tidak bertindak secara proaktif terutama dalam menangani isu-isu sensitif. Hanya setelah isu tersebut menjadi tular, barulah tindakan seterusnya diambil. <p>Ketiadaan tempoh sah bagi Lesen Mesin Cetak (LMC) dan Permit Penerbitan (PP).</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tiada tindakan yang berkesan dapat diambil susulan daripada penguatkuasaan sekiranya terdapat pelanggaran AMCP. Kertas Siasatan (IP) tidak dibuka, kuasa siasatan tidak jelas, tiada pendakwaan dapat dibuat terhadap individu atau syarikat yang melanggar AMCP. 	<ul style="list-style-type: none"> • AMCP perlu diselaraskan dengan Akta-akta lain supaya tidak bertindih dari penguatkuasaan oleh semua agensi.

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
		<p data-bbox="730 236 1263 272">Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)</p> <ul data-bbox="730 312 1350 1011" style="list-style-type: none"> <li data-bbox="730 312 1350 676">• Cabaran utama yang dihadapi ialah berkaitan penguatkuasaan tindakan penyitaan dan rampasan lebih tertumpu kepada pihak yang tidak berlesen. Bagi kedai atau premis, MBSA mempunyai kuasa yang berdiri dengan sendirinya untuk tindakan pecah masuk tanpa ada waran sekiranya terdapat aktiviti-aktiviti yang mencurigakan seperti kegiatan melibatkan <i>currency bitcoin</i>. <li data-bbox="730 719 1350 1011">• MBSA perlu mendapatkan khidmat pakar daripada pihak lain. Contohnya Jabatan Perlesenan lazimnya akan mendapatkan semakan terlebih dahulu berkaitan penjualan buku-buku terlarang daripada Dewan Bahasa untuk penggunaan Bahasa sekiranya hendak membuat permohonan iklan. <p data-bbox="730 1051 1285 1088">Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ)</p> <ul data-bbox="730 1128 1350 1347" style="list-style-type: none"> <li data-bbox="730 1128 1350 1347">• Kuasa MBSJ agak terhad dalam mengambil tindakan. Lazimnya, pihak MBSJ mengambil tindakan melalui undang-undang kecil dan Akta Kerajaan Tempatan dan mana-mana PBT akan menggunakan akta yang sama. 	

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
		<ul style="list-style-type: none"> • Cabaran penguatkuasaan kerana anggota penguatkuasa tidak mencukupi sedangkan banyak premis yang perlu diperiksa. • Pihak PBT terpaksa memikul tugas daripada agensi-agensi lain untuk sementara waktu. <p>Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)</p> <ul style="list-style-type: none"> • JIM perlu berdepan dengan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan yang mencabar antaranya ialah jenayah rentas sempadan yang berlaku. • JIM juga menghadapi masalah kesesakan depot imigresen yang sering penuh. <p>Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Akta Agensi Antidadah Kebangsaan 2004 (Akta 638) memberikan kuasa kepada AADK iaitu Pegawai Agensi dilantik oleh Menteri Dalam Negeri dan Pegawai Penyiasat (Inspektor dan ke atas) disebut dalam akta. 	

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
<p><i>Sesi Libat Urus (SLU) Bersama wakil Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Islam (PERMIM, MUAFAKAT, Majlis Belia Malaysia (MBM), IKRAM, Persatuan Peguam Muslim Malaysia (PPIM), Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWAJA), Persatuan Dayak Muslim Selangor (PDMS), Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA), Ikatan Muslimin Malaysia)</i></p>	23/8/2022	<p>AMCP 1984 Masih Relevan</p> <ul style="list-style-type: none"> • AMCP masih diperlukan kerana media sentiasa wujud. Namun, di dalam Islam, setiap perkara perlu ada batasannya. Oleh itu, perlu diletakkan batasan untuk media melalui penguatkuasaan akta. • Kawal selia masih perlu diseimbangkan dengan kebebasan berkarya dengan memelihara keselamatan negara. • Penguatkuasaan Akta ini perlu ditambah baik seperti mewartakan Garis Panduan Penerbitan. • Walaupun terdapat AMCP, masih ada penerbitan terutamanya yang berbahasa Cina menerbitkan isu-isu yang sensitif. • Ancaman penyebaran ideologi Komunisme masih wujud di Malaysia. Selain itu, terdapat usaha-usaha daripada ahli Komunis untuk mengubah naratif sejarah di negara ini. • AMCP 1984 adalah akta yang bersifat pencegahan. Unsur-unsur yang memudaratkan keselamatan negara perlu dicegah awal sebelum ia berlaku. 	<p>Cadangan Penambahbaikan AMCP</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penubuhan Panel/JawatankuasSemakan Penerbitan dengan punca kuasa yang jelas di dalam Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP). Lembaga Penilaian Media Berunsur Islam diberi kuasa melalui Jawatankuasa ini sebagai pakat di dalam penerbitan berunsurkan Islam. • AMCP perlu selaras dengan Akta, Enakmen, Fatwa dan Garis-garis Panduan lain yang berkaitan dengan penerbitan dari pelbagai institusi. • Ada peruntukan khusus bagi kesalahan yang dilakukan oleh ejen atau wakil yang menyebarkan hasil penerbitan yang tidak diingini termasuk kedai dalam talian dan syarikat penghantaran • AMCP diperluaskan untuk kawalan penerbitan dalam talian, perkhidmatan media digital atau aplikasi dari luar negara seperti di Singapura. • Peruntukan kewajipan kerahsiaan perlu dimasukkan dalam Akta.

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
		<p>Kelemahan AMCP</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lembaga Penilaian Media Berunsurkan Islam di JAKIM tiada punca kuasa di dalam AMCP untuk mengharamkan sebarang buku berunsurkan Islam. • Prosedur yang jelas tidak dimasukkan di dalam Akta, contohnya, prosedur reman, tangkapan, geledah tanpa waran, penahanan, siasatan dan jamin. Prosedur-prosedur ini perlu dinyatakan secara khusus dan jelas dalam Akta. • Tiada peruntukan khusus bagi kesalahan yang dilakukan oleh ejen atau wakil yang menyebarkan hasil penerbitan yang tidak diingini termasuk kedai dalam talian dan syarikat penghantaran. 	<ul style="list-style-type: none"> • Peruntukan perlindungan kepada mereka yang memberi maklumat perlu dimasukkan dalam Akta. • KDN perlu membuat penambahbaikan di laman web supaya orang awam dapat menyalurkan maklumat dengan mudah dan cepat dengan memasukkan aplikasi <i>Live Chat</i>. • Mengenakan kompaun yang tinggi kepada pesalah di bawah Akta ini.
<p><i>Sesi Libat Urus (SLU) Bersama 'Focus Group Discussion' (FGD) Undang-Undang (PUU KDN, SKMM, SUHAKAM, BHEUU, JPM)</i></p>	<p>24/8/2022</p>	<p>Isu berkaitan penguatkuasaan dan kawalan penerbitan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keputusan Perintah Larangan (PL) sering dicabar di mahkamah dan beban pembuktian adalah kepada KDN bagi membuktikan bahawa penerbitan larangan memberi kesan atau menyebabkan berlakunya hal atau situasi yang memudaratkan ketenteteraman awam. 	<p>Cadangan Penambahbaikan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perlu ada satu garis panduan selaku 'custodian' yang menjaga AMCP. • Rang Undang-undang yang akan digubal perlu dibandingkan (<i>benchmark</i>) dengan akta yang serupa dimiliki negara lain agar ianya bersesuaian dengan Malaysia.

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
		<ul style="list-style-type: none"> • Pembuktian bagi kesalahan di bawah AMCP 1984 adalah sukar oleh sebab istilah-istilah seperti “menggemparkan fikiran” adalah tidak jelas. Istilah-istilah yang digunakan ini adalah mengelirukan khususnya terhadap orang awam kerana sering disalah erti tanpa terjemahan atau tafsiran yang betul daripada hasil/pihak penerbitan. • Kuasa siasatan di dalam AMCP hanya diperuntukkan kepada anggota polis. Seksyen 20 AMCP memperuntukkan kuasa bagi tangkapan tanpa waran kepada pegawai polis. Anggota penguatkuasa atau pegawai PKK tidak mempunyai kuasa siasatan di dalam AMCP menyebabkan kes pelanggaran AMCP perlu dirujuk kepada pihak polis dan peruntukan dalam Kanun Prosedur Jenayah (CPC) akan terpakai. Masalah ini bakal mendatangkan kesukaran bagi aktiviti siasatan sehingga memakan jangka masa yang lama untuk melengkapkan sesuatu siasatan. • Bagi penguatkuasaan dan kawalan ke atas kandungan di dalam talian, anggota penguatkuasa KDN dilihat belum bersedia dengan kemahiran teknikal untuk menguatkuasakan AMCP di 	<ul style="list-style-type: none"> • Pihak Majlis Peguam dan SUHAKAM mahu AMCP mansuhkan kerana ianya dianggap undang-undang yang sudah lapuk (Draconian Law). <p>Tangkapan Tanpa Waran</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pihak Majlis Peguam mencadangkan agar seksyen 20 AMCP diberi justifikasi pegawai polis yang layak mengikut pangkat untuk membuat tangkapan tanpa waran. “Mana-mana pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang didapati melakukan atau dengan munasabahnyanya disyaki melakukan atau telah melakukan atau cuba melakukan atau mendapatkan atau bersubahat dengan mana-mana orang untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini. <p>Hak Asasi Manusia – SUHAKAM</p> <ul style="list-style-type: none"> • SUHAKAM mencadangkan bahagian/ seksyen tertentu di dalam AMCP dipinda agar selari dengan hak asasi manusia, antaranya hak semakan kehakiman bagi seksyen 3(3) dan seksyen 6 AMCP. Sekatan terhadap buku-buku adalah bersifat radikal adalah tidak <i>unconstitutional</i> atau <i>unlawful</i> kerana kesan terhadap pembaca adalah berbeza-beza. Ini adalah kerana tidak semua yang membaca

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
		<p>lapangan walaupun tiada halangan atau bantahan daripada pihak KKMM dan SKMM. Bagi penguatkuasaan dan kawalan ke atas kandungan di dalam talian, anggota penguatkuasa KDN dilihat belum bersedia dengan kemahiran teknikal untuk menguatkuasakan AMCP di lapangan walaupun tiada halangan atau bantahan daripada pihak KKMM dan SKMM.</p> <ul style="list-style-type: none"> • AMCP 1984 tidak memasukkan sebarang prosedur bagi rujukan awam dan penguatkuasaan. Hal ini memberi kesukaran dari aspek proses penerbitan di samping bakal dipersoalkan. • AMCP 1984 dianggap akta yang ringan serta tidak mendatangkan suatu elemen pencegahan, penyekatan, hukuman dan kesedaran. Akta ini dipandang remeh oleh pihak-pihak yang terlibat dengan pelanggaran undang-undang khususnya Tafsiran Seksyen 2 AMCP 1984 yang luas dalam penggunaan kuasa oleh pegawai polis dan pegawai kastam adalah jelas tetapi tidak kepada penguatkuasa yang lain seperti JAKIM. POS Malaysia tidak lagi relevan di dalam tafsiran ini. 	<p>buku-buku sedemikian boleh menjadi radikal bergantung kepada tafsiran masing-masing.</p> <p>Kod Kandungan (<i>Content Code</i>) – SKMM</p> <ul style="list-style-type: none"> • SKMM memaklumkan bahawa kod kandungan digunakan oleh SKMM untuk kawalan sendiri kandungan di dalam talian oleh pengamal industri dan pengguna awam • Penubuhan Lembaga atau Jawatankuasa bagi membuat keputusan berkaitan Hasil Penerbitan Tidak Diingini.

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
<p><i>Sesi Libat Urus (SLU) Bersama 'Focus Group Discussion' Dimensi Kemoralan bersama wakil Non- Government Organisation (NGO) Bukan Islam</i></p>	<p>24/8/2022</p>	<p>Malaysian Alliance of Civil Society Organisation in the UPR Process (MACSA)</p> <ul style="list-style-type: none"> • MACSA setuju jika AMCP diperluaskan kepada kandungan media di dalam talian. • Namun akta yang terlalu mengawal akhbar perlu dikeluarkan daripada AMCP dan ditubuhkan Media council sebagai mekanisme aduan untuk rakyat. • Akhbar tidak perlu disyaratkan memiliki Permit Penerbitan di dalam AMCP. • Penubuhan Media Council membolehkan kawalselia dilaksanakan terhadap semua media termasuk akhbar. • Konsep kemoralan antaranya ialah mengawal bahan penerbitan daripada mengandungi unsur <i>counterculture</i> iaitu nilai dan norma tingkah laku yang sangat berbeza dari norma masyarakat arus perdana di Malaysia. • Walaupun ada segelintir orang dari golongan minoriti yang mengamalkan konsep <i>counterculture</i>, tetapi mereka perlu menghormati sentimen masyarakat majoriti. 	<p>Cadangan Penambahbaikan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Akta yang dikeluarkan perlu wasatiah (pertengahan) tidak boleh terlalu liberal, mahupun terlalu ekstrim bagi menjaga keamanan umum. • Pemahaman masyarakat tentang yang mana baik dan buruk tidak perlu dikawal, tetapi perlu membimbing mereka dalam melakukan sebarang keputusan. • Sekiranya, hendak tetapkan sesuatu mana yang baik dan yang buruk, mesti berbincang dan tetapkan bersama, tidak tertakluk kepada sesuatu fahaman sahaja. • AMCP masih relevan dan diperlukan kerana ianya adalah undang-undang bersifat pencegahan bagi mengawalselia penerbitan bercetak. Walaupun pada tahun 2018. • Maksud moraliti berbeza mengikut fahaman masing-masing. Bagaimana pun semua pihak mempunyai akauntabiliti terhadap elemen kemoralan di dalam penerbitan bercetak dan kandungan digital di dalam talian.

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
		<p>Sisters In Islam (SIS)</p> <ul style="list-style-type: none"> • SIS berpendapat konsep, standard kemoralan dan prinsip hak asasi manusia perlu dilihat berdasarkan apa yang telah dirangka dalam prinsip hak asasi manusia kerana Malaysia merupakan negara di bawah UN. • Maksud kemoralan perlu melihat kepada apa yang telah termaktub di dalam Perkara 8 (2) dan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan yang memberi kebebasan untuk ekspresi diri seseorang individu. • Sebelum melakukan penahanan terhadap mana-mana buku atau penerbit, perlu difikirkan terlebih dahulu impak kemudahan penerbitan tersebut. 	<ul style="list-style-type: none"> • Nilai kekeluargaan dan nilai moral yang diamalkan oleh masyarakat Malaysia perlu disepakati dan diikuti oleh penerbit bahan bercetak. • Jika ada elemen subversif, Akta Hasutan Seksyen 152 dan Seksyen 153 boleh dikuatkuasakan.
<p><i>Sesi Libat Urus Bersama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan</i></p>	<p>25/8/2022</p>	<p>Isu Penerbitan Berunsurkan Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tiada kepakaran di pihak Jabatan Agama Islam Negeri untuk membuat kajian penerbitan berunsuran Islam. Panel pakar yang terdiri daripada golongan profesional membantu membuat kajian penerbitan tersebut namun masa lama 	<p>Cadangan Penambahbaikan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Premis yang mendapat kebenaran untuk menjual bahan penerbitan, didedahkan terlebih dahulu berkaitan akta. • KDN melantik panel pakar yang telah dipersetujui oleh JAKIM akan kepakarannya.

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
		<p>diperlukan untuk menyiapkannya semakan buku.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Panel pakar yang dilantik oleh JAKIM tidak berperlembagaan dan tiada punca kuasa. • Buku yang difatwakan haram oleh jawatankuasa fatwa negeri hanya terpakai untuk negeri itu sahaja. Buku tersebut masih boleh dibeli di dalam talian. • Buku berunsurkan Islam perlu dirujuk kepada panel fatwa dan mufti sebelum dikenakan Perintah Larangan. Namun, tempoh masa yang lama untuk mendapatkan ulasan dari Jabatan Agama Islam. • Lambakan penjualan buku berunsurkan Islam di dalam talian (media baharu). • Perintah Larangan yang diwartakan oleh KDN sering dicabar di mahkamah. Sebahagian besar daripada buku Perintah Larangan ini adalah buku berunsur Islam seperti buku yang ditulis oleh Faisal Tehrani iaitu “Tiga Kali Seminggu”, “Karbala” dan “Ingin Jadi Nasrallah”. 	<ul style="list-style-type: none"> • Buku yang difatwa haram di sesebuah negeri diwartakan untuk pengharaman di negeri lain juga. • Memasukkan di dalam akta tentang kawalan dan penguatkuasaan terhadap bahan penerbitan digital kerana ianya lebih menarik perhatian pengguna dan mudah didapati berbanding penerbitan fizikal. • Garis Panduan Penerbitan KDN perlu disemak dan dijadikan KAEDAH AMCP untuk menjelaskan perincian eleme-elemen Hasil Penerbitan Tidak Diingini KDN wujudkan sebuah lajnah di setiap negeri yang mempunyai lebih kurang 5 orang pakar merangkumi mereka yang pakar dalam bidang syariah, akidah, tasawuf, tafsir. • KDN memasukkan panel Lembaga Penilaian Media berunsurkan Islam JAKIM kedalam Jawatankuasa/Lembag agar semakan Penerbitan Garis Panduan Penerbitan Berunsurkan Islam JAKIM dimasukkan juga di dalam KAEDAH AMCP.

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
		<ul style="list-style-type: none"> • KDN tidak menguatkuasakan Garis Panduan JAKIM ke dalam AMCP yang menjadi rujukan kepada Jabatan Agama Islam Negeri. 	
<p><i>Lawatan Kerja (Sesi Benchmarking) Bersama Kementerian Komunikasi dan Maklumat (MCI), Singapura</i></p>	10/11/2022	<p>Isu Utama berkaitan Kandungan yang mempunyai elemen:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penerbitan yang mempromosi LGBTQ semakin meningkat penerbitan yang menormalisasikan gaya hidup LGBTQ. • Kandungan berkaitan dadah - majalah yang diimport semakin banyak dipaparkan dan mempromosikan penyalahgunaan dadah sebagai dadah rekreasi. • Bangsa dan agama – kandungan yang memburukkan mana-mana kaum atau agama tidak dibenarkan merentas platform dalam talian. • Sosial-politik – kandungan penerbitan dinilai berdasarkan sama ada ia menjejaskan orang ramai, kepentingan, ketenteraman awam atau keselamatan negara. 	<p>Mewujudkan Peraturan Penerbitan Dalam Talian</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penerbitan dalam talian (seperti e-book dan e-majalah) kini dikawal di bawah Internet. • Menghasilkan layanan berbeza untuk kandungan yang sama yang ditawarkan pada platform berbeza. • Kandungan yang mengerikan adalah melanggar Kod Amalan Internet dan boleh meminta penyedia kandungan untuk mengalih keluar kandungan yang tidak menyenangkan. <p>Pengedaran Penerbitan Dalam Talian IMDA 'engaged' atau menjalinkan hubungan dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • kedai-kedai buku dalam talian dengan kehadiran agen. • tempatan, seperti Amazon.sg, dan • mereka yang menjual penerbitan melalui platform e-dagang untuk memastikan ia mematuhi garis panduan tempatan.

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
Mesyuarat Bersama Rakan Strategik KDN (PDRM & SKMM)	30/1/2024	Tiada instrumen perundangan yang menyekat penerbitan secara digital. SKMM hanya boleh menyekat domain sahaja tetapi tidak boleh menyekat kandungan tertentu sahaja atau kandungan Internet Service Provider (ISP) seperti di platform Twitter, Amazon dsb.	<p>Cadangan Penambahbaikan oleh PDRM</p> <ul style="list-style-type: none"> • Maklumat mengenai tempat berlakunya paparan kandungan dalam talian yang disyaki melanggar AMCP 1984 (merujuk kepada Seksyen 153 Kanun Prosedur Jenayah). Ini membolehkan pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau anggota penguatkuasa lain menjalankan siasatan di tempat kandungan dalam talian tersebut dipapar walaupun kandungan dalam talian tersebut diterbit dari tempat lain. • Kuasa untuk mendapatkan kata laluan daripada suspek bagi membolehkan pegawai PDRM atau anggota penguatkuasa mendapatkan akses kepada data atau maklumat daripada komputer atau 'storage devices' suspek (merujuk kepada Seksyen 116(b), Kanun Prosedur Jenayah). • Klausula mengenai aktiviti 'fraud' dengan menggunakan peranti capaian seperti Seksyen 236(b) Akta Komunikasi perlu dikaitkan dengan klausula mengenai 'presumption of law' seperti Seksyen 114(a) Akta Keterangan. • Kuasa siasatan diperuntukkan secara '<i>blanket approval</i>' dengan memasukkan klausula "Pegawai Kanan Berkuasa" sebagaimana di

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
			<p>dalam Kanun Prosedur Jenayah iaitu mana-mana pegawai yang dilantik mempunyai kuasa untuk menyiasat.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perkataan 'jelic' perlu dikaji semula supaya ianya boleh dikaitkan dengan perubahan semasa dan dijadikan sebagai panduan dalam penilaian kajian/keputusan. <p>Cadangan Penambahbaikan oleh SKMM</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pindaan AMCP 1984 perlu mengambil kira aspek keselamatan rangkaian. • SKMM mempunyai <i>Content Code</i> bagi <i>broadcaster</i> yang boleh dijadikan sebagai sumber rujukan bagi penentuan syarat kepada penerbitan <p>Secara keseluruhannya, kesemua Agensi Rakan Strategik KDN (PDRM dan SKMM) serta ahli-ahli bersetuju bahawa:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Cadangan pindaan AMCP 1984 adalah bersifat melengkapkan antara satu sama dengan lain dan tiada pertindihan kuasa dengan akta sedia ada yang berkuatkuasa di bawah PDRM dan SKMM seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Hasutan 1948 dan Kanun Keseksaan.

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
<p><i>Sesi Libat Urus Bersama Pihak-pihak Berkepentingan (Pemain Industri)</i></p>	<p>11/3/2024</p>	<p>Ancaman Penerbitan Tidak Diingini</p> <ul style="list-style-type: none"> • Isu penularan dan lambakan bahan-bahan bercetak yang memudaratkan kemoralan dan penyebaran ideologi LGBTQ / radikalisme / terrorisme dan sebagainya merupakan isu yang memberi impak kepada Malaysia pada masa sekarang dan juga di masa hadapan melibatkan generasi baharu akan datang. 	<p>Ancaman Penerbitan Tidak Diingini</p> <p>Hasil perbincangan bersetuju supaya:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Syarat-syarat mengemukakan 8 salinan penerbitan bagi pemegang permit penerbitan dipinda kerana ada sesetengah syarikat tiada keperluan untuk menerbitkan bahan penerbitan atau terdapat kekangan untuk menerbitkan tetapi masih mahu mengekalkan permit aktif. • Hukuman yang lebih berat diberikan kepada penerbit dan pencetak yang tidak mematuhi atau melanggar peruntukan dalam AMCP 1984. Hukuman ini tidak terkecuali kepada penerbit dan pencetak yang tidak berdaftar dengan KDN. • Tindakan tegas perlu dimasukkan di dalam pindaan AMCP supaya generasi akan datang benar-benar peka terhadap unsur-unsur yang menyalahi kemoralan, keselamatan dan ketenteraman awam. • AMCP 1984 masih relevan dan perlu dikekalkan dengan cadangan pindaan yang lebih berkesan dari segi penguatkuasaan dan pemantauan bahan-bahan penerbitan.

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
		<p>Isu Kandungan Berbaur Hasutan, Provokasi Ataupun Menghina Berkaitan Elemen <i>Race, Religion and Royalty</i> (3R)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Isu kandungan berbaur hasutan, provokasi atau menghina perkara berkaitan dengan elemen 3R sangat berleluasa dan mampu menjejaskan perpaduan, kemakmuran dan kestabilan negara serta membantukan usaha pembangunan negara 	<p>Cadangan Penambahbaikan berkaitan Isu Kandungan Berbaur Hasutan, Provokasi Ataupun Menghina Berkaitan Elemen <i>Race, Religion and Royalty</i> (3R)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Meminda undang-undang untuk menentukan tahap kecenderungan/definisi kesalahan berkaitan isu 3R; • Pindaan Undang-undang dalam Kanun Keseksaan atau Penal Code berkaitan 3R supaya AMCP 1984 boleh menjadikan akta berkenaan sebagai punca kuasa untuk membuat tindakan undang-undang; • Mewujudkan Suruhanjaya atau Majlis yang menasihat Menteri dalam membuat keputusan ke atas kajian hasil penerbitan, khususnya penerbitan yang mempunyai elemen 3R. Suruhanjaya atau Majlis hendaklah terdiri daripada Menteri (Pengerusi), Pemegang Taruh dan kumpulan berkepentingan; dan • Mengenalpasti dengan jelas definisi kesalahan di bawah elemen 3R.

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
		<p>Pematuhan Pelesenan Mesin Cetak Dan Permit Penerbitan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Portal KDN tidak mesra pengguna seperti tiada penerangan seperti checklist perlu dipermudahkan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Perlukan peruntukan jenayah di dalam mana-mana akta yang menyatakan dengan jelas mengenai jenayah 3R dalam pelbagai aspek (pengucapan, terbitan, cetakan, pencetakan). • menentukan Level hukuman (kategori hukuman) berpandukan kepada kecenderungan sensitiviti isu 3R dimainkan/ disentuh. • membuat pindaan kepada undang-undang induk supaya AMCP 1984 mempunyai punca kuasa untuk siasatan dan menguatkuasakan Akta ini. <p>Pematuhan Pelesenan Mesin Cetak Dan Permit Penerbitan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan portal pemegang lesen dan permit untuk mengemaskini maklumat penerbit/pencetak secara online. • Mesin cetak tidak perlu dikawal sebaliknya yang perlu dikawal adalah isi kandungan penerbitan yang melanggar Garis Panduan Penerbitan.

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
			<ul style="list-style-type: none"> • KDN diminta mengurangkan karenah birokrasi untuk proses permohonan permit penerbitan/lesen mesin cetak. • Kerja-kerja '<i>binding</i>' di dalam proses mencetak Al-Quran perlu dilesen. • ISBN (International Standart Book Number) Perpustakaan Negara perlu mengakaji kandungan dan bukannya hanya mengeluarkan ISBN sahaja. • Bagi kawalan Penerbitan <i>One Off</i>, dicadangkan satu (1) <i>gate keeper</i> diwujudkan bagi mengelakkan sesuatu penerbitan tidak terkawal (hasil penerbitan tidak diingini) ini dicetak dan diterbitkan. • program advokasi dilakukan dan kesedaran perlu diperluaskan kepada penerbit, pencetak, penjual dan pengedar hasil penerbitan bagi memastikan sesuatu bahan penerbitan itu tidak mempunyai apa-apa elemen Hasil Penerbitan Tidak Diingini

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
		<p>Pemeriksaan Penguatkuasaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Statistik pelanggaran terhadap AMCP 1984 menunjukkan peningkatan kes setiap tahun disebabkan isu penguatkuasaan yang lemah. • Akta sedia ada tidak mencakupi penguatkuasaan bagi penerbitan berbentuk digital dan kandungan dalam talian. 	<p>Pemeriksaan Penguatkuasaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penguatkuasaan pengiklanan yang menyentuh kemoralan perlu ada definisi jelas. Kawalselia penerbitan juga perlu bagi mengekang elemen yang memudaratkan atau mungkin memudaratkan dari aspek kemoralan, contohnya menormalisasi gaya hidup LGBTQ. • Penguatkuasaan AMCP yang tegas perlu dilaksanakan jika ada bahan penerbitan yang memudaratkan atau mungkin memudaratkan keselamatan dan ketenteraman awam; • Melaksanakan sesi 'town hall' secara bulanan dengan pemegang taruh supaya pihak industri penerbitan dan pencetakan dapat menguatarakan sebarang isu dan tiada perubahan Akta dibuat tanpa kajian menyeluruh • KDN perlu ada lebih kuasa untuk menguatkuasakan AMCP 1984, terutamanya dalam hal penyiasatan sehingga membawa ke pendakwaan di mahkamah • Penguatkuasaan terhadap kandungan dalam talian perlu diadakan dengan kerja sama dengan pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) tambah kuasa.

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
		<p>Akta yang Lebih Berkesan</p> <p>AMCP 1984 masih relevan bagi memastikan ketulenan dan kesahihan berita, mengawal media cetak, dan memastikan ada undang-undang bersesuaian bagi mengawal bahan penerbitan yang dijual atau diedar di Malaysia namun, pelbagai ianya masih tidak holistik kerana:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ledakan penerbitan berbentuk digital dan kandungan dalam talian. 	<ul style="list-style-type: none"> • Perlu ada penyelarasan di antara AMCP 1984 dan Akta Komunikasi dan Multimedia (Akta 588) . • Kerajaan perlu kawal bahan bercetak terutamanya daripada syarikat tempatan. • Percetakan digital juga perlu disyaratkan memiliki Lesen Mesin Cetak yang diluluskan oleh KDN. Perlu penyelarasan kawal selia percetakan digitan dan syarikat penerbitan yang menggunakan mesin cetak teraan. Tidak boleh ada 'double standard' di antara percetakan digital dan konvensional (menggunakan teraan). <p>Akta yang Lebih Berkesan</p> <ul style="list-style-type: none"> • SKMM juga mempunyai akta yang mengawal penerbitan dalam talian dan boleh dikenakan tindakan dibawah akta tersebut. Jika AMCP bergabung dengan Akta MCMC akan lebih relevan. • Wakil Persatuan Percetakan Malaysia memaklumkan AMCP masih relevan kerana banyak bahan penerbitan masih wujud walaupun ada penerbitan online. Jika tidak dikawal akan menggugat keamanan negara.

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
		<ul style="list-style-type: none"> • Ancaman penyebaran unsur sensitif berkaitan agama, bangsa dan institusi raja-raja (Religion, Race, Royalty - 3R). • Peningkatan Hasil Penerbitan yang tidak diingini. • Benchmarking negara maju dan serantau 	<ul style="list-style-type: none"> • Wakil Persatuan Pencetak berpendapat AMCP 1984 perlu dikeamaskini dengan menambah baik isu pemilikan barang bercetak. Pindaan AMCP 1984 perlu mengambilkira mengenai penyimpanan bahan penerbitan yang tidak diingini. • Wakil Persatuan Pencetak setuju bahawa AMCP 1984 adalah selari dengan norma dan budaya masyarakat Malaysia tetapi perlu diperketatkan. Garis panduan sedia ada untuk cetakan fizikal adalah selari dengan keperluan zaman sekarang. • Penambahbaikan dari segi kompaun dan juga penjelasan secara lebih terperinci berhubung dengan 3R. • Kebebasan bersuara untuk golongan minoriti juga perlu diperjelaskan di dalam AMCP.

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
		<p>Cabaran Digitalisasi Dan Kandungan Dalam Talian</p> <ul style="list-style-type: none"> • Isu lambakan kandungan dalam talian yang mudah diperolehi melalui Internet bukan sahaja memberi banyak kesan positif, tetapi juga boleh memberi kesan negatif jika tidak diuruskan dengan betul. • Ledakan digital terutama melalui media sosial yang menyebabkan wujudnya pelbagai golongan seperti pengengaruh (influencer) dan laskar siber (<i>cybertrooper</i>). Jika tidak dikawal boleh mewujudkan unsur fitnah atau tohmahan sehingga mengancam ketenteraman awam. 	<p>Cabaran Digitalisasi Dan Kandungan Dalam Talian</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kawal selia media oleh agensi-agensi sedia dengan penguatkuasaan akta-akta agensi tersebut adalah memadai, contohnya akta yang dilaksanakan oleh negara-negara Komanwel yang lain. • AMCP tidak perlu diperluaskan untuk kawal selia kandungan dalam talian. • Panduan dan bimbingan perlu diberikan kepada pengguna media tentang etika serta moral dalam memuatkan kandungan di media sosial. • Pemantauan yang berterusan di pihak KDN dari aspek keselamatan dan ketenteraman awam adalah memadai tanpa perlu penambahan khas mengenai kandungan dalam talian di dalam AMCP 1984. Malah Akta Hasutan boleh digunakan jika terdapat kandungan dalam talian yang berbentuk hasutan.

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
Mesyuarat Bersama Kementerian Komunikasi (KKOM) dan SKMM	26/3/2024	<p>KKOM memaklumkan bahawa terdapat tiga (3) skop Pindaan AMCP 1984 yang mungkin bertindih dengan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Cadangan Pindaan Seksyen 2 mengenai – Tafsiran Penerbitan iaitu: <ul style="list-style-type: none"> i) ‘Apa-apa jua yang dihasilkan secara digital, elektronik, magnetik, mekanikal dan replikasi atau replikasi substansial penerbitan itu’. • Cadangan Penggantian Subseksyen 7 (1) mengenai – 3R <ul style="list-style-type: none"> i) ‘menyentuh atau mungkin menyentuh isu sensitif yang berkaitan dengan agama, kaum atau Raja-Raja (3R)’ • Cadangan Baharu Seksyen 8D – Kesalahan kerana memiliki Hasil Penerbitan Lucah <ul style="list-style-type: none"> i) ‘Mana-mana orang yang tanpa sebab yang munasabah didapati memiliki apa-apa hasil penerbitan lucah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada lima ribu ringgit 	<p>Pihak KDN telah menghantar Matriks berkenaan Cadangan Pindaan AMCP 1984 yang mungkin akan melibatkan pertindihan skop tugas AMCP 1984 dengan Akta 588 kepada KKOM pada 27/3/2024 melalui e-mel untuk pengesahan lanjut.</p>

Sesi libat urus	Tarikh	Kebimbangan utama/komen	Maklumbalas
		<p>dan tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit’.</p> <p>ii) ‘Mana-mana orang yang mencetak, mengimport, menghasilkan, menghasilkan semula, menerbit, menjual, mengeluarkan, mengeliling, menawarkan untuk menjual, mengedar atau ada dalam milikannya bagi apa-apa jua maksud seperti itu apa-apa hasil penerbitan lucah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.”</p>	

1. KESIMPULAN DAN SYOR

SESI LIBAT URUS (SLU) BERSAMA PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN

Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mengadakan Sesi Libat Urus (SLU) bersama pelbagai pihak-pihak berkepentingan (termasuklah Agensi-agensi Kerajaan, Pemain Industri, Badan Bukan Kerajaan (NGO) sejak tahun 2022 sehingga tahun 2024 berhubung cadangan pindaan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) 1984 untuk memaklumkan kepada pihak-pihak berkepentingan mengenai senario semasa penguatkuasaan penerbitan dan pencetakan dalam negara; menerangkan kepada pihak-pihak berkepentingan berhubung tindakan yang dibuat oleh KDN dalam memastikan cadangan pindaan AMCP 1984 dibuat secara menyeluruh; dan mendapatkan input dan pandangan daripada pihak-pihak berkepentingan berkaitan elemen-elemen yang hendak dipinda di dalam AMCP 1984.

KAJIAN KEBERKESANAN PENGUATKUASAAN DAN KAWAL SELIA PENERBITAN AMCP 1984

KDN juga telah menjalankan Kajian Keberkesanan Penguatkuasaan dan Kawalselia Penerbitan di bawah AMCP 1984 dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sultan Zainal Abidin pada tahun 2022. Kajian tersebut dilaksanakan bagi mengenal pasti cabaran dan isu dalam penguatkuasaan dan kawal selia penerbitan dan pencetakan, membincangkan aspek penambahbaikan dan mencadangkan pindaan bagi memperkemaskan akta ini. Dapatan kajian telah diperolehi melalui perbincangan kumpulan fokus, temu bual, sesi townhall dan kajian kes bersama 239 pihak-pihak berkepentingan seperti penerbit, pencetak, pengimport, NGO, agensi kerajaan dan wakil-wakil agama. Tujuannya adalah untuk mendapatkan input dan pandangan daripada pihak-pihak berkepentingan berkaitan elemen-elemen yang hendak dipinda di dalam AMCP 1984, bagi mengurangkan kegusaran pihak-pihak berkepentingan berhubung cadangan pindaan AMCP 1984 dan memudahkan penerimaan pihak-pihak ini akan pembaharuan yang dibawa bersama pindaan dan keperluan penglibatan pihak-pihak berkepentingan yang mempunyai kredibiliti yang diiktiraf adalah penting kepada kerajaan khususnya KDN dari segi pengurusan dan penyediaan Pelan Komunikasi

mengenai cadangan pindaan AMCP 1984 kelak untuk tujuan hebahan dan kefahaman masyarakat secara keseluruhannya.

BENCHMARKING NEGARA MAJU DAN SERANTAU

Kawalan penerbitan di negara-negara maju adalah berbeza dengan membangun. Modal negara-negara maju adalah berasaskan kebebasan bersuara dan hak asasi manusia termasuk hak untuk menerbitkan maklumat dan idea tanpa sebarang kawalan manakala negara sedang membangun pula lebih berpegang kepada nilai kerharmonian masyarakat dan budaya. Mengambil kira lanskap sosial Malaysia yang mempunyai kepelbagaian kaum, bangsa dan agama, model negara maju di di Kawasan serantau wajar dijadikan sebagai amalan baik. Sehubungan itu, undang-undang penerbitan kaedah kawalan negara United Kingdom, Singapura dan Brunei telah diperhalusi dan dibuat perbandingan bagi menambah baik AMCP 1984. Model perundangan negara Singapura mementingkan kepentingan awam, keselamatan negara dan keharmonian kaum. Manakala perundangan Brunei pula mengutamakan ketertiban awam dan kemoralan. Undang-undang United Kingdom adalah berkenaan larangan ke atas penerbitan yang bertentangan dengan norma hidup masyarakat.

Secara keseluruhannya, dapatan beberapa siri libat urus tersebut merumuskan bahawa AMCP 1984 masih relevan serta perlu dikekalkan kerana dimensi kebebasan bersuara dan berkarya perlu seimbang dengan tuntutan untuk memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara. Di samping itu, hasil kajian juga mencadangkan agar akta ini diperkemas dengan beberapa pindaan bagi memastikan penguatkuasaan dan kawal selia terhadap penerbitan dilaksanakan dengan lebih berkesan terutamanya untuk mengekang penyebaran elemen-elemen Hasil Penerbitan Tidak Diingini sama ada penerbitan bercetak atau kandungan dalam talian yang memudaratkan atau mungkin memudaratkan ketenteraman awam, keselamatan, kepentingan awam, kepentingan negara, kemoralan, menggemparkan fikiran orang ramai serta berlawanan dengan undang-undang di Malaysia.

KDN sedang dalam proses penggubalan Rang Undang-undang Pindaan AMCP 1984. Maklumat komprehensif berkenaan AMCP 1984 ini dimuat naik ke portal *Malaysian Productivity Corporation* (MPC) bagi mendapatkan pandangan umum secara dalam talian berkenaan Cadangan Pindaan AMCP 1984.

LAMPIRAN A

SENARAI KEHADIRAN PIHAK – PIHAK BERKEPENTINGAN

BIL.	KATEGORI KEHADIRAN	AGENSI KERAJAAN/NGO/ PERSATUAN
1.	Agensi Kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Komunikasi (KKOM) • Polis DiRaja Malaysia (PDRM) • Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) • Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) • Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) • Pejabat Mufti Selangor, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan • Angkatan Tentera Malaysia (ATM) • Bahagian Penyelidikan Jabatan Perdana Menteri (JPM) • Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) • Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)
2.	Badan Bukan Kerajaan (NGO)	<ul style="list-style-type: none"> • (NGO) Islam <ul style="list-style-type: none"> i) PERMIM, MUAFAKAT, Majlis Belia Malaysia (MBM), IKRAM, Persatuan ii) Peguam Muslim Malaysia (PPIM), Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWAJA) iii) Persatuan Dayak Muslim Selangor (PDMS) iv) Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) v) Ikatan Muslimin Malaysia <ul style="list-style-type: none"> • wakil • (NGO) Bukan Islam <ul style="list-style-type: none"> i) Malaysian Alliance of Civil Society Organisation in the UPR Process (MACSA) ii) Sisters In Islam (SIS) iii) Council Of Churches Malaysia

		<ul style="list-style-type: none"> • Kesatuan Wartawan Kebangsaan (NUJ) • Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
3.	Editor Akhbar Dan Media	<ul style="list-style-type: none"> • RTM • BERNAMA • Sinar Harian • New Straits Times (NST) • The Star • Makkal Osai
4.	Wakil/Persatuan Penerbit Dan Pencetak	<ul style="list-style-type: none"> • Dewan Industri Buku Malaysia • Persatuan Pengusaha Percetakan Malayu Malaysia • <i>The Selangor & Federation Territory Chinese Printing Presses Association</i> • Persatuan Pencetak Malaysia • <i>Malaysian Book Publishers Association</i>
5.	Wakil Pengimport	<ul style="list-style-type: none"> • Newspaper & Magazine Services (M) Sdn Bhd. • Big Bad Wolf, Kinokuniya • Popular Books • Tsutaya Books
6.	Pemegang Permit Penerbitan	<ul style="list-style-type: none"> • Kadokawa Gempak Starz Sdn. Bhd. • Moy Publications Sdn. Bhd. • Galeri Media Serbanika Sdn. Bhd. • Nu IDEAKTIV Sdn. Bhd. • Next Trend Publications Sdn. Bhd. • PCP Publications • Thendral • Malaysian Rating Corporation Berhad • Azlan Ghanie Management (M) Sdn. Bhd. • Telaga Biru Sdn. Bhd. • Telaga Biru Sdn. Bhd. • Kwong Wah Yit Poh Press Bhd.
7.	Pemegang Lesen Mesin Cetak	<ul style="list-style-type: none"> • Koperasi Kebangsaan Permodalan Tanah Berhad. • Darn Lukis Sdn. Bhd. • Cetakrapi Sdn. Bhd. • Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB)

		<ul style="list-style-type: none">• United Publishing House (M) Sdn. Bhd.• Persatuan Pencetak Malaysia• Aras Mega (M) Sdn. Bhd.• Sky Press Sdn. Bhd.
--	--	---